

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi lima bahagian iaitu ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi dapatan kajian, cadangan kajian lanjutan dan penutup. Bahagian ringkasan kajian mengandungi ringkasan daripada pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, kaedah kajian, sampel kajian, soal selidik, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Bahagian perbincangan mengandungi ringkasan dapatan kajian dan perbincangan dapatan kajian berdasarkan teori-teori dan kaitannya dengan kajian-kajian lepas serta dapatan kajian terhadap penguasaan *al-'adad wa al-ma'du:d*. Dalam bahagian cadangan kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji seterusnya yang sesuai dengan topik perbincangan mengenai penguasaan *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam kalangan pelajar.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini membincangkan mengenai penguasaan tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam kalangan pelajar. *Al-'adad wa al-ma'du:d* merupakan salah satu tajuk Nahu yang terdapat dalam kurikulum BAT Tingkatan Lima. Untuk tujuan mengukur tahap penguasaan pelajar, lapan aspek soalan telah disediakan iaitu pengetahuan asas mengenai tajuk kajian, menentukan ayat yang mempunyai *al-ma'du:d* dengan fungsi nahan yang betul, melengkapkan ayat bagi membentuk ayat yang sempurna, terjemahan daripada BM ke BA,

terjemahan daripada BA ke BM, *al-'adad al-tarti:biyy*, *al-'adad* dalam petikan dan *i'ra:b al-'adad* dan *al-ma'du:d*. Selain itu, kajian juga menyediakan ruang bagi pelajar menjawab “*tidak tahu*” bagi mengesah masalah pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan tajuk kajian secara khususnya dan mengenai pembelajaran Nahu BAT secara umumnya. Pelajar dapat memberikan alasan mereka mengenai sesuatu bahagian soalan.

Pemilihan sampel kajian mengambil kira jenis sekolah dan lokasi sekolah. Dua buah sekolah menengah aliran agama yang terletak di daerah Kuala Kangsar dipilih terlibat dalam kajian ini. Bilangan sampel yang terlibat ialah sebanyak 100 orang iaitu mewakili 50 orang responden bagi setiap sekolah.

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat kajian untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap penguasaan pelajar dalam tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d*. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A yang terdiri daripada enam item adalah berkaitan dengan latar belakang responden kajian, bahagian B yang terdiri daripada 15 item adalah berkaitan pembelajaran dan pengajaran BA dan bahagian C yang terdiri daripada 35 item adalah berkaitan dengan penguasaan tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam kalangan responden.

Data-data daripada soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif (peratus, purata dan kekerapan) untuk menghuraikan secara keseluruhan kesemua bahagian dapatan soal selidik.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Bagi memudahkan perbincangan, pengkaji membuat huraian berdasarkan kepada urutan beberapa sub topik.

5.3.1 Latar Belakang Responden

Responden terdiri daripada 100 orang pelajar daripada dua buah sekolah menengah aliran agama di daerah Kuala Kangsar. 41 orang responden adalah lelaki manakala 59 yang lain adalah perempuan. 93 responden berusia 17 tahun, empat responden berusia 16 tahun, dua responden berusia 18 tahun dan seorang responden berusia 20 tahun. Walaupun ada perbezaan usia, namun kesemua responden adalah merupakan pelajar tingkatan lima di kedua-dua lokasi kajian.

Daripada aspek dorongan memasuki aliran agama, 52 responden belajar hasil minat dan dorongan dalaman, manakala 48 responden belajar atas dorongan dan kehendak ibu bapa. Hasil kajian mendapati, majoriti responden (78%) yang belajar BA atas dasar minat dan dorongan diri sendiri menyatakan, mereka belajar BA kerana ingin mendalami ilmu agama, 11.9% kerana faktor latar belakang keluarga, 8.5% kerana ingin menguasai bahasa kedua dan 1.7% kerana hasil daripada pembacaan dan maklumat melalui media massa.

Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai dorongan dan motivasi yang tinggi untuk mempelajari dan menguasai BA. Ini merupakan satu peluang kepada para pendidik untuk memupuk dan menyemai minat dan motivasi ini, agar matlamat mereka ingin menguasai bahasa kedua, mendalami ilmu agama dan ingin memahami nas-nas

berkaitan agama akan tercapai. Ini kerana pelajar-pelajar yang bermotivasi, mempunyai kebarangkalian untuk berjaya yang lebih tinggi.

Menurut Zulkifley Hamid (1994:77) dua faktor intrinstik yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pembelajaran bahasa kedua ialah sikap dan motivasi. Atkinson et al. (1983:283) dalam Zulkifley Hamid (1994:77) mendefinisikan motivasi sebagai faktor-faktor yang memberi tenaga dan arah kepada tingkah laku. Seseorang individu yang bermotivasi akan terlibat secara lebih aktif dan lebih berkesan berbanding dengan individu yang tidak bermotivasi.

Dapatkan ini menunjukkan kelebihan yang dimiliki oleh institusi yang menawarkan pembelajaran agama dan BA di Malaysia. Ini kerana, gabungan faktor motivasi instrumental seperti ingin mendalami ilmu agama, boleh memahami nas-nas agama dengan lebih tepat serta faktor motivasi integrasi seperti ingin menguasai bahasa kedua menjadi pendorong utama kepada pelajar-pelajar yang memilih aliran pembelajaran agama dan BA dalam kalangan pelajar-pelajar di Malaysia. Para pengajar BA perlu mengambil peluang ini dengan menambahkan kesedaran pelajar mengenai kepentingan menguasai BA serta kedudukannya sebagai bahasa agama dan ibadat dalam Islam. Mereka juga perlu diberi kesedaran tentang nilai komersil BA untuk kepentingan masa depan dan kerjaya mereka. Dengan cara inilah, motivasi instrumental mereka boleh dicetuskan dan dikenalkan.

5.3.2 Pembelajaran Dan Pengajaran Bahasa Arab

Bahagian ini mengenalpasti tahap minat dan motivasi responden dalam mempelajari BA. Mengenai tahap minat mempelajari Nahu BA, 15% responden mempunyai tahap yang amat

tinggi dalam mempelajari Nahu BA, 29% responden mempunyai tahap minat yang tinggi, 44% responden mempunyai tahap minat yang sederhana dan 11% responden mempunyai tahap minat yang rendah. Walau bagaimanapun 100% responden bersetuju bahawa penguasaan Nahu BA penting dalam menguasai dan memahami nas-nas agama dengan tepat.

Mengenai tahap penguasaan kemahiran bahasa yang terdiri daripada empat komponen iaitu kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur, kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap penguasaan yang sederhana sahaja bagi kesemua kemahiran tersebut.

Kajian juga mendapati tahap minat responden terhadap tajuk kajian iaitu *al-'adad wa al-ma'du:d* BA mempunyai hubungan yang selari dengan tahap minat responden dengan pembelajaran Nahu BA iaitu majoritinya (53% responden) menyatakan minat mereka berada di tahap sederhana.

Kajian ini mendapati majoriti responden iaitu 84% bersetuju dengan kepentingan menguasai tajuk kajian dalam komunikasi harian dengan orang yang berbahasa Arab. Kajian juga mendapati bahagian yang paling kerap dilakukan kesilapan dalam tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* mengikut urutan ialah dalam menentukan tanda *i'ra:b* pada *al-'adad* dan *al-ma'du:d*, menentukan *al-'adad* yang betul dalam ayat, menentukan *al-ma'du:d* yang betul dan keliru dengan penukaran kod di antara maskulin dan feminine semasa menggunakan *al-'adad* dan *al-ma'du:d*.

5.3.3 Penguasaan Tajuk Al-‘Adad Wa Al-Ma‘du:d

Purata pencapaian responden terhadap semua bahagian ujian mengikut urutan adalah seperti berikut: penguasaan terjemahan BA ke BM (90%), melengkapkan ayat dengan *al-‘adad* atau *al-ma‘du:d* bagi membentuk ayat yang sempurna (39%), penguasaan *al-‘adad al-tarti:biyy* (37%) pengetahuan asas *al-‘adad wa al-ma‘du:d* (32.1%), penguasaan terjemahan BM ke BA (30%), mengisi *al-‘adad* dalam petikan berdasarkan fungsi nahuhan (29.4%), menentukan ayat yang mempunyai *al-ma‘du:d* dengan fungsi nahuhan yang betul (24%) dan penguasaan *i‘ra:b al-‘adad wa al-ma‘du:d* (11%).

Di sini jelas bahawa pencapaian semua responden berada pada tahap yang lemah dalam kebanyakan bahagian soal selidik. Ini juga merupakan petunjuk bahawa penguasaan pelajar mengenai *al-‘adad wa al-ma‘du:d* ini masih lagi di tahap yang memerlukan perhatian serius serta langkah penambahbaikan yang sewajarnya.

Kajian juga mendapati penguasaan *i‘ra:b*, salah satu komponen dalam pengajian Nahu BA, adalah merupakan bahagian paling lemah bagi kebanyakan pelajar. *I‘ra:b* sebagaimana yang ditakrifkan oleh nahuhan Arab ialah perubahan akhir kata sesuatu perkataan, ekoran daripada perubahan agen-agen tertentu yang berada sebelumnya yang merupakan penyebab kepada terjadinya nominatif, akusatif, genetif dan jusif sesuatu perkataan. Untuk menguasai *i‘ra:b* dengan baik, pelajar seharusnya menguasai keseluruhan sistem lakuan kata dalam BA dengan baik juga. Inilah merupakan halangan bagi pelajar dalam menentukan *i‘ra:b* yang tepat bagi sesuatu kata. Mereka bukan sahaja perlu menguasai tajuk *al-‘adad* tetapi juga perlu menguasai tajuk-tajuk berkaitan dengannya seperti *al-mubtada:*’ dan *al-khabar*, *al-muda:f* dan *al-muda:f ilayhi*, *al-tamyi:z*, *al-na‘at*, *al-fa:il*, *al-maf‘u:l* dan lain-lain.

Dapatan ini adalah selari dengan dapatan Che Kamaruddin Kamel bin Che Muhammad (1999:68) yang menyatakan bahawa secara keseluruhannya penguasaan Nahu BA dalam kalangan pelajar peringkat menengah di sekolah menengah agama adalah lemah. Kelemahan pelajar amat ketara dalam penggunaan *al-jumlat al-'ismiyat* dan *al-jumlat al-fi'liyyat* yang mana 100% pelajar gagal menjawab soalan yang dikemukakan.

Mengenai penguasaan *al-'adad al-tartibiy* dan juga terjemahan BA ke BM, dapatan kajian menunjukkan sebahagian responden terkesan dengan bahasa ibunda mereka. Mereka cenderung menggunakan unsur-unsur bahasa ibunda mereka dalam menggunakan *al-'adad* terbabit yang menunjukkan kesukaran mereka menyerap dan meresapkan budaya bahasa baru yang dipelajari. Sebab itulah pelajar cenderung menggunakan ayat-ayat seperti berikut السّاعَةُ احْدَى عَشْرَةً، اثْنَانِ كِتَابٍ، وَاحِدٌ مَنْزِلٌ dalam tulisan mereka.

Dapatan ini ada kaitannya dengan masalah gangguan dalam pemerolehan bahasa kedua. Dalam hal ini, lakuan kebudayaan dan linguistik yang sudah ada pada pelajar iaitu daripada bahasa ibundanya sentiasa mempengaruhi proses mempelajari bahasa kedua tersebut. Seorang pelajar bahasa kedua, perlu menguasai lakuan bahasa yang baru dan terpaksa memilih untuk menggunakan yang baru atau yang lama mengikut keperluan konteks (Abdullah Hassan (1983:270). Justeru itu, sesuatu perlu dilakukan supaya gangguan atau halangan berkenaan boleh dikurangkan.

Abdullah Hassan (1983:271) menyarankan agar para pengajar bahasa, menggunakan pendekatan pendokong teori behaviorisme yang mendakwa bahawa *lakuan itu terbentuk melalui lakuan yang diulang dan dikukuhkan* sebagai dasar untuk menyelesaikan masalah gangguan bahasa ibunda ini. Melalui pendekatan ini, latihan perlu ditingkatkan dan

digandakan terutamanya dalam bahagian yang mana lakuan bahasa ibunda mengganggu perbentukan lakuan bahasa yang sedang dipelajari. Melalui pendedahan yang diulang-ulang dan secara berterusan ini, pelajar akan menguasai konsep baru dan dapat menggunakan dengan baik, tanpa ada kekeliruan.

Melalui alasan yang diberikan responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*”, kekeliruan merupakan antara alasan dengan kekerapan yang terbesar yang dikemukakan mereka. Mereka keliru dalam menentukan padanan *al-'adad* dengan *al-ma'du:d* yang sesuai, keliru dengan perubahan baris akhir atau tanda *i'ra:b*, keliru dengan penggunaan *al-ma'du:d* yang sepadan, sama ada kata nama tunggal atau kata nama jama‘, keliru dengan fungsi nahuun *al-ma'du:d* sama ada *al-na'at* atau *muda:f ilayhi* atau *al-tamyi:z*, keliru dengan jenis-jenis *al-'adad* dalam BA dan keliru juga untuk menentukan penggunaan sama ada *al-'adad al-asliyy* atau *al-'adad al-tarti:biyy*. Dapatan ini didapati menyokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Ahmad Fared Mohd Din (2006:90) yang menyatakan pelajar-pelajar masih keliru di antara konsep *al-tamyi:z* dengan *al-ha:l*, begitu juga didapati pelajar masih tidak menguasai tanda baris bagi *al-tamyi:z*. Pelajar juga didapati tidak dapat menguasai variasi *al-tamyi:z* dengan baik.

5.3.9 Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian

Kajian ini menghuraikan tahap penguasaan para pelajar dalam tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* BA yang merupakan salah satu tajuk dalam kurikulum pengajian Nahu BA di sekolah-sekolah di Malaysia. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap tajuk kajian adalah di tahap lemah. Pelajar

masih gagal membezakan antara *al-'adad* yang *mabniy* dengan *al-'adad* yang *mu'rabb*, masih gagal menentukan dan membezakan di antara *al-ma'du:d* yang berfungsi sebagai *al-tamyi:z* dengan *muda:f ilayhi* atau *al-na'at*, masih gagal menentukan padanan *al-'adad* dan *al-ma'du:d* yang sesuai serta gagal juga untuk menterjemah ayat-ayat pendek daripada BM ke BA. Justeru itu, suatu langkah yang proaktif seperti kaedah penyampaian yang menarik, bentuk latihan yang lebih kerap, latih tubi yang berterusan, penggunaan bahan bantu mengajar dan seumpamanya perlu diambil untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran akan tercapai.

Suatu yang perlu dinyatakan ialah, sepanjang pengamatan pengkaji, tajuk berkaitan dengan *al-'adad wa al-ma'du:d* ini merupakan salah satu bentuk soalan yang kerap diuji dan dikemukakan dalam peperiksaan SPM sebenar. Sejak format baru peperiksaan BAT SPM diperkenalkan pada tahun 2004, boleh dikatakan setiap tahun, ada soalan-soalan yang berbentuk menguji penguasaan kemahiran *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam kalangan pelajar dikemukakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dalam peperiksaan SPM tahun 2004 contohnya; keluar soalan yang meminta calon menterjemahkan petikan yang antaranya berbunyi “*Pada tiga puluh satu haribulan Ogos 1957, Malaysia telah mencapai kemerdekaan....*”. Pada tahun 2005 pula, keluar soalan dalam bentuk yang sama yang berbunyi “*al-Qu'ran telah diturunkan oleh Allah berperingkat-peringkat selama dua puluh tiga tahun, tiga belas tahun di Mekah yang dikenali dengan ayat Makkiyyat dan sepuluh tahun di Madinah yang dinamakan dengan ayat Madaniyyat...*”. Dalam peperiksaan SPM tahun 2006 pula, calon-calon sekali lagi diuji dengan soalan yang juga berbentuk terjemahan, yang menguji penguasaan mereka

dalam tajuk *al-'adad* ini. Soalan terjemahan yang dikemukakan itu berbunyi “*Malaysia adalah merupakan sebuah negara pertanian....*”.

Dalam peperiksaan SPM pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 2007, soalan secara terus berkaitan dengan topik ini julung-julung kali dikemukakan kepada calon. Calon-calon telah diuji dengan tiga soalan dalam kertas 1, yang meminta mereka menulis semula *al-'adad* yang dinyatakan dalam kurungan (٣ جملة – ٢٧ طالبة – ٥١ درجة), dalam bentuk perkataan dengan melihat kepada fungsi nahan *al-'adad* serta *al-ma‘du:d* di dalam ayat. Sementara itu, dalam kertas 2, mereka sekali lagi diuji dengan soalan berkaitan dengan *al-'adad wa al-ma‘du:d* ini. Kali ini soalan berbentuk arahan membina ayat telah dikemukakan. Calon-calon telah diberikan arahan supaya membina satu ayat yang mengandungi *al-'adad al-murakkab*.

Pada tahun 2008, sekali lagi soalan berkaitan dengan *al-'adad* ini telah dikemukakan dalam kertas 1 BAT SPM. Pada kali ini, calon-calon diminta mengeluarkan kata nama dalam kasus akusatif daripada ayat-ayat yang dikemukakan. Salah satu ayat yang dikemukakan itu ialah ﴿كُتُبٌ ثَلَاثَةٌ اشْتَرِيتُ﴾, iaitu *al-'adad al-mufrad* ٣ ثَلَاثَةٌ dan padanan *al-ma‘du:dnya*.

Dapatan ini menunjukkan bahawa, tajuk kajian ini merupakan tajuk penting yang mesti dikuasai oleh para pelajar yang ingin cemerlang dalam pencapaian akademik mereka. Ini kerana banyak kemungkinan mereka disoal berkaitan dengan penguasaan dalam tajuk ini. Mereka mungkin diuji melalui bahagian terjemahan, mereka juga mungkin diuji dalam bahagian Nahu, mereka juga mungkin diuji melalui soalan kemahiran membina ayat dan lain-lain lagi. Justeru itu, pelajar perlulah berusaha gigih menguasai tajuk ini dan para guru juga sewajarnya mengambil langkah-langkah yang terbaik untuk memastikan anak didik

mereka menguasai konsep *al-'adad wa al-ma'du:d* dan dapat menerapkan penggunaannya dalam pelajaran mereka sehari-hari.

5.4 Implikasi Kajian

Dapatkan kajian ini boleh dijadikan garis panduan untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar dalam tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d*.

Dapatkan kajian menunjukkan tahap penguasaan dan kefahaman pelajar dalam tajuk kajian masih di tahap lemah. Pelajar-pelajar masih gagal membezakan perkara-perkara asas berkaitan tajuk serta tidak dapat menggunakan *al-'adad* dengan baik, sedangkan dalam berbahasa, tanpa mengira apa sahaja bahasa, kata bilangan adalah merupakan sesuatu yang menjadi kelaziman. Penguasaan kata bilangan yang baik akan memudahkan komunikasi dan membantu penutur sesuatu bahasa menyampaikan keperluannya dengan baik, apabila berkomunikasi dengan orang lain. Penguasaan yang baik juga akan menghilangkan keterasingan yang dirasai oleh seseorang pelajar dalam kebudayaan bahasa yang sedang dipelajarinya.

Sesuatu perlu dilakukan untuk mengangkat tahap penguasaan dan kefahaman pelajar dalam tajuk ini khususnya dan dalam tajuk berkaitan dengan pembelajaran Ilmu Nahu umumnya. Bertepatan dengan objektif kajian iaitu untuk mencadangkan langkah-langkah penyelesaian berkesan dalam memahami dan menguasai topik yang dikaji ini, di sini pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan dan langkah yang boleh diambil ke arah mengatasi masalah pembelajaran dan meningkatkan lagi penguasaan pelajar dalam *al-'adad wa al-ma'du:d*. Cadangan-cadangan berkenaan adalah seperti berikut:

5.4.1 Pengajaran Dan Pembelajaran Nahu Berteraskan Ayat Al-Qur'an Dan Hadis Nabi

Dalam Sukatan Pelajaran BA Untuk Sekolah Menengah yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1990 telah digariskan objektif-objektif utama pengajaran dan pembelajaran BA ini di sekolah-sekolah di Malaysia. Di antara objektif umum tersebut (1990:2) ialah memperoleh maklumat dan kemahiran bahasa untuk memahami nas-nas al-Qur'an al-Kari:m, hadis nabi, bahan-bahan rujukan dan buku-buku Islam.

Sementara itu dalam objektif khusus (1990:3) pula digariskan bahawa pengajaran BA bertujuan untuk membiasakan pelajar mendengar bacaan al-Qur'an al-Kari:m dan hadis nabi serta memahami maksudnya secara ringkas. Begitulah juga dalam objektif pengajaran kemahiran-kemahiran bahasa, juga digariskan matlamat akhirnya ialah untuk mendengar, bertutur serta membaca ayat-ayat al-Qur'an dan hadis nabi serta memahami maksudnya.

Ringkasnya, pengajaran BA ini, seperti mana yang digariskan oleh KPM, suatu masa dahulu adalah bertujuan untuk kepentingan agama, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa al-Qu'ran, bahasa hadis nabi dan bahasa agama yang mempunyai kedudukan yang istimewa dalam kehidupan setiap individu muslim.

Objektif ini sesuai dengan pendapat kebanyakan pengkaji yang mengaitkan pemahaman al-Qu'ran dan nas agama dengan matlamat akhir pembelajaran BA. Menurut Muhammad Khair al-Hilwaniy dalam Abdul Razif bin Zaini (2006:42), al-Qu'ran al-Kari:m merupakan sebab utama munculnya Ilmu Nahu. Walaupun ada faktor-faktor lain yang menyumbang ke

arah kemunculan ilmu ini, namun ia sekadar faktor penyokong yang membantu kemunculannya.

Pendapat ini didapati menyokong pendapat ‘Abduh al-Ra;jihiyy (b) (1988:10) yang menyatakan bahawa perkembangan Ilmu Nahu, Saraf, Bala:ghat, Tafsi:r, Feqah, Usu:l dan Kala:m semuanya dengan matlamat yang satu iaitu memahami nas al-Qur'an yang mulia.

Menurut Abdul Razif bin Zaini (2006:153), al-Qur'an telah meninggalkan impak yang kuat di dalam Nahu Arab bermula daripada kelahirannya sehingga ke zaman-zaman berikutnya. Kesan ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa al-Qur'an al-Kari:m tidak mungkin dapat dipisahkan daripada Nahu Arab khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu ini.

Di akhir kajiannya, Abdul Razif bin Zaini (2006:154) telah mencadangkan satu cadangan yang menyokong pengajaran dan pembelajaran Nahu Arab berteraskan al-Qur'an ini dengan berkata “pengajaran dan pembelajaran Nahu berteraskan ayat-ayat al-Qur'an perlu diwujudkan berasaskan ayat-ayat al-Qur'an yang lazim dan mudah yang telah dihafal oleh kebanyakan individu”.

Mat Taib bin Pa (2001:8) pula telah mencadangkan agar BA di Malaysia diajar menggunakan pendekatan agama dan komunikasi, iaitu dengan cara mengaitkan antara struktur Nahu dengan teks agama dan komunikasi kerana kedua-duanya merupakan keperluan dan kehendak situasi pada masa kini.

Kalau dirujuk kepada al-Qur'an dan hadis nabi, kita akan dapati keseluruhan bahagian *al-adad* yang dibincangkan dalam kajian ini, ada contohnya di sana. Alangkah baiknya

sekiranya sukanan pelajaran yang disusun, menjadikan ayat-ayat al-Qur'an sebagai asasnya. Maka secara tidak langsung pelajar akan tertarik dengan isi kandungannya dan guru yang mengajar juga boleh menerapkan penghayatan agama serta mempelbagaikan aktiviti-aktiviti penggabung jalinan dalam pengajaran mereka.

Berdasarkan dapatan kajian didapati bahawa kebanyakan pelajar yang mengambil jurusan BA dan mempelajarinya di sekolah agama atas dasar minat dan motivasi dalam menyatakan mereka memasuki aliran ini atas dasar ingin meningkatkan kefahaman tentang agama. Justeru, amat baiklah kiranya, kalau pendekatan agama digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran BA ini.

Di bawah ini disenaraikan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis nabi yang berkaitan dengan *al-'adad wa al-ma'du:d* mengikut pembahagian bab-bab dalam perbincangan *al-'adad wa al-ma'du:d* sebagai panduan ke arah itu.

الاثنان Dan الواحد Al-'Adad

١٦٣ سورة البقرة : ﴿٤٨﴾ ﴿٤٧﴾ ﴿٤٦﴾ ﴿٤٥﴾ ﴿٤٤﴾ ﴿٤٣﴾ ﴿٤٢﴾ ﴿٤١﴾ ﴿٤٠﴾ ﴿٣٩﴾ ﴿٣٨﴾ ﴿٣٧﴾ ﴿٣٦﴾ ﴿٣٥﴾ ﴿٣٤﴾ ﴿٣٣﴾ ﴿٣٢﴾ ﴿٣١﴾ ﴿٣٠﴾ ﴿٣٩﴾ ﴿٣٨﴾ ﴿٣٧﴾ ﴿٣٦﴾ ﴿٣٥﴾ ﴿٣٤﴾ ﴿٣٣﴾ ﴿٣٢﴾ ﴿٣١﴾ -1
 ﴿٣٠﴾ ﴿٣١﴾ ﴿٣٢﴾ ﴿٣٣﴾ ﴿٣٤﴾ ﴿٣٥﴾ ﴿٣٦﴾ ﴿٣٧﴾ ﴿٣٨﴾ ﴿٣٩﴾ ﴿٣١﴾ ﴿٣٢﴾ ﴿٣٣﴾ ﴿٣٤﴾ ﴿٣٥﴾ ﴿٣٦﴾ ﴿٣٧﴾ ﴿٣٨﴾ ﴿٣٩﴾ -2

سورة الأنبياء: ٩٣

سورة المجادلة: ٤






-4- قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: مَثَلُ الْمُؤْمِنِ فِي تَوَادِّهِمْ وَتَرَاوِحِهِمْ كَمَثَلِ الْجَسَدِ الْوَاحِدِ (الحديث)

¹⁰⁷ رواه البخاري في كتاب الادب: 27 والإيمان: 39 ومسلم في مساقات: (107)

5- قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لِلصَّائِمِ فَرْحَةٌ عِنْدَ إِفْطَارِهِ وَفَرْحَةٌ عِنْدَ لِقَاءِ رَبِّهِ (الحديث رواه البخاري في كتاب التوحيد: 35 ومسلم في باب فضل الصوم: 164)

الثلاث (Tiga) Hingga (Sepuluh) العشرة Al-‘Adad

Al-‘Adad (Sebelas) Hingga (Dua belas) اثنا عشر (Sebelas) Hingga (Dua belas)

Al-‘Adad (Tiga belas) Hingga (Sembilan belas)

-2 عن عائشة رضي الله عنها قالت: كان النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي مِنَ اللَّيْلِ ثَلَاثَ عَشَرَةً رَكْعَةً
مِنْهَا الوترُ وَرَكْعَتَانِ الْفَجْرِ. (الحادي ث رواد البخاري ؛ كتاب التهجد: 10)

Al-'Adad Al-'Uqu:d

◆ ♫ □ → ♫ ☺ □ ■ □ ☺ □ ☺ □ ① ← ○ → □ ☺ ○ * ○ & □ ◆ □ ① ← ○ → □ ☺ □ ☺ □ ☺ □ ◆ □ ☺ -1

١٥٥ سورة الأعراف :

سورة المجادلة : ٤

ଓଡ଼ିଆ & ମେଳାମ୍ବନ୍ଦର ଲାପଣ ଡାକ୍ ଟିକ୍ଟ୍ ବ୍ୟବସାୟ ଏବଂ ପରିବହନ ବ୍ୟବସାୟ - ୫

Al-'Adad Al-Ma'tu:f

23

2- عن عبد الله بن عمر أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: صلاة الجماعة تفضل صلاة الفد

بسبعين وعشرين درجةً. (الحديث رواه البخاري في فضل صلاة الجمعة: 30)

3- عن أبي هريرة قال: الله تسعه وستون اسمًا، مائة إلا واحدًا، لا يحفظها أحد إلا دخل الجنة. (الحديث)

رواه البخاري في كتاب الدعوات: (69)

Al-'Adad مَعْدَد Dan Gandaannya

ଓঁ ক্ষেত্ৰ গুৰুত্বপূৰ্ণ পৰিকল্পনা

سورة البقرة : 261

⑦ ♫ × ♪ □ ⑧ ♩ × ♪ × ♪ ◆ □ → □ ◆ ⑨ ♫ ☀ × ♪ □ ⑧ ♩ × ♪ × ♪

سورة النور : ٢

Digitized by srujanika@gmail.com

ଓଡ଼ିଆ କ୍ଷେତ୍ରର ପାଠ୍ୟ ମାଧ୍ୟମିକ ପାଠ୍ୟକାରୀ ମହିନେ ପାଠ୍ୟକାରୀ ମହିନେ ପାଠ୍ୟକାରୀ ମହିନେ

Al-‘Adad Al-Tarti:biyy

سورة النور : ٩

电话 10086 2 国电 • 纸牌 ♦ x ← & 铃 声 笔 画 十 ← ♦ 2 ↗ 纸 口 书 本 1 2 3 4 5 -2

⑥ **ቁ** አሁን **ቁ** **ቁ** **ቁ** **ቁ** **ቁ** **ቁ**

•• ၁၃၀ ရက်နား ၁၃၀ ရက်နား ၂၈၂ → ၂၇၃ ၂၁၁ ၂၆၆ ⇔ ၂၇၁၆၁

A horizontal row of decorative icons used as a footer element.

سورة النجم : 20

Walau bagaimanapun, hasil daripada perubahan dalam sukanan pelajaran BA yang dikeluarkan oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, JAPIM, KPM pada tahun 2006, objektif-objektif yang bermatlamatkan al-Qur'an dan agama ini telah ditiadakan. Tiada satupun di antara objektif yang digariskan di dalam huraihan sukanan berkenaan yang menyatakan objektif akhirnya ialah untuk kepentingan pemahaman al-Qur'an atau hadis atau agama. Begitulah juga dalam buku teks yang diperkenalkan, juga tiada sebarang nas yang bersumberkan al-Qur'an ataupun hadis. Sebaliknya digantikan dengan tajuk-tajuk umum bercorak keagamaan seperti (Agama-agama di Malaysia) dalam buku teks Tingkatan Satu, (الاعياد الدينية في ماليزيا / Perayaan Agama Di Malaysia) dalam buku teks Tingkatan Dua dan (Islam الحضاري وتقدم البلاد / Islam Hadhari dan Kemajuan Negara) dalam buku teks Tingkatan Lima.

Sesuatu yang membimbangkan ialah apabila dipisahkan pengajaran dan pembelajaran BA daripada nas-nas berunsur agama ini, maka dengan sendirinya seri bahasa ini akan hilang. Menurut Mahmu:d Faja:l (1997:5) al-Qur'an al-Kari:m adalah sumber pertama bagi Nahu Arab dan hadis nabi pula sumbernya yang kedua. Begitulah juga hadis nabi berada pada kedudukan kedua selepas al-Qur'an al-Kari:m daripada aspek kefasihannya. Melalui kedua sumber inilah BA berkembang dan itulah rahsia kemajuannya.

Sememangnya sudah menjadi kebiasaan di nusantara ini, orang yang berkecimpung dengan BA sama ada sebagai pelajar atau guru dikaitkan dengan agama walaupun mereka adalah seorang pelajar bahasa atau seorang guru bahasa. Justeru langkah yang sewajarnya patut diambil untuk mengembalikan pengajaran dan pembelajaran BA ke landasan yang tepat dengan berpaksikan al-Qur'an, hadis nabi dan nas-nas agama.

5.4.2 Menggalakkan Pelajar Menggunakan Strategi Pembelajaran

Oxford (1990:8) dalam Neo Swee Leng (2004:25) mendefinisikan strategi pembelajaran bahasa sebagai tindakan-tindakan spesifik yang diambil oleh seseorang pelajar supaya proses pembelajarannya menjadi lebih mudah, cepat, menyeronokkan, berkesan dan mudah untuk dipindahkan ke situasi-situasi baru.

Terdapat banyak strategi yang biasa digunakan oleh para pelajar dan pengajar bahasa dalam mempelajari dan menguasai sesuatu bahasa sepertimana yang dijelaskan oleh Oxford (1990) dalam Neo Swee Leng (2004:33) antaranya ialah strategi ingatan, strategi kognitif, strategi kompensasi, strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial.

Dalam konteks pembelajaran tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* ini, strategi ingatan adalah merupakan salah satu cara yang agak berkesan. Strategi ingatan ini menurut Neo Swee Leng (2004:33) ialah teknik-teknik yang digunakan untuk mengingat, mendapatkan maklumat kembali dan memindahkan maklumat daripada fakta kepada tahap kemahiran yang sesuai untuk digunakan. Strategi-strategi tersebut dapat membantu pelajar-pelajar

menyimpan bahagian-bahagian penting yang dihadapi oleh mereka dalam pembelajaran bahasa mereka. Apabila pelajar-pelajar hendak menggunakan maklumat tersebut pada suatu masa kelak, strategi ini akan membolehkan mereka mendapatkan maklumat tersebut kembali.

Strategi ini sesuai digunakan untuk mempelajari dan menyampaikan tajuk berkaitan dengan *al-'adad wa al-ma'du:d* ini, memandangkan tajuk ini agak sukar dikuasai oleh penutur dan pelajar BA, baik yang belajar BA sebagai bahasa kedua ataupun penutur natif BA sendiri. Mereka sering terdedah dengan kesilapan dalam menggunakannya, baik dalam pertuturan, mahupun dalam penulisan. Inilah yang diakui oleh 'Abduh al-Ra:jihiyy (*a*) (1988:401) yang berkata "ramai para pelajar dan para penulis BA yang melakukan kesilapan dalam menggunakan *al-'adad wa al-ma'du:d*".

Justeru, pendekatan tertentu yang boleh membantu pelajar mengingati, mendapatkan semula maklumat apabila diperlukan dan memindahkannya dalam penggunaan harian bagi memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran seharusnya digunakan oleh semua pengajar BA, agar tajuk yang sukar ini dapat disampaikan dan dikuasai dengan mudah dan berkesan.

Di dalam disertasi ini, pengkaji ingin mencadangkan kaedah penggunaan rumus [a-b] sebagai satu pendekatan untuk menyampaikan dan menguasai tajuk berkaitan dengan *al-'adad wa al-ma'du:d* ini dengan lebih berkesan. [a] sebagai rumus kepada maskulin, manakala [b] pula sebagai rumus kepada feminin. Mudah-mudahan dengan penggunaan rumus seperti ini akan mengurangkan kekeliruan pelajar dalam mempelajari dan menguasai tajuk ini. Hal ini demikian kerana kekeliruan merupakan antara punca pelajar gagal

menguasai tajuk ini dengan berkesan sepetimana yang didapati dalam dapatan kajian.

Jadual (5.1) di bawah menunjukkan penggunaan rumus [a-b] berkenaan.

JADUAL 5.1 Penggunaan Rumus [a-b] Untuk Tujuan Mempelajari Al-‘Adad Wa Al-Ma‘du:d

Ma‘du:d

Maskulin Feminin		Al-‘adad	Al-ma‘du:d	Contoh
واحد — اثنان	M	a	a	إِلَهٌ وَاحْدَةٌ ا a
	F	b	b	أَمَّةٌ وَاحِدَةٌ b b
ثلاثة — عشرة	M	b	a	ثُلَاثَةٌ أَيَّامٌ أَرْبَعَةٌ أَشْهُرٌ a b
	F	a	b	ثَلَاثَ لَيَالٍ أَرْبَعَ شَهَادَاتٍ b a
أَحَدُ عَشَرَ — اثْنَا عَشَرَ	M	aa	a	أَحَدُ عَشَرَ كَوْكَباً

Maskulin Feminin		Al-'adad	Al-ma'du:d	Contoh
				a aa
	F	bb	b	أَنْتَا عَشْرَةً طَالِبٌ b bb
ثلاثة عشر – تسعة عشر	M	ba	a	تسعة عشر كوكباً a ba
	F	ab	b	أَرْبَعَ عَشْرَةً طَالِبٌ b ab
عشرون – ثلاثون ... تسعون	M	=	a	ثلاثون شهرًا A =
	F	=	b	أربعون سنةً b =
واحد وعشرون – اثنان وعشرون	M	aa	a	واحد وعشرون كتاباً a aa
	F	ba	b	إحدى وعشرون قصةً a ba
ثلاثة وعشرون – تسعة وتسعون	M	ba	a	ثلاثة وعشرون كتاباً a ba
	F	aa	b	تسعة وتسعون نعجةً b aa
مائة – ألف – مليون – مiliar	M	=	a	مائة عام a =

Maskulin Feminin		Al-'adad	Al-ma'du:d	Contoh	
	F	=	b		
				جَلْدٌ مِّنْهُ	
			b	b =	

Nota:

[a] & [M] maskulin

[b] & [F] feminin

= sama, tidak berubah sama ada digunakan untuk maskulin atau feminin

Melalui jadual ini, guru-guru boleh meminta pelajar mengingati rumus-rumus seperti berikut; *al-'adad al-mufrad* satu dan dua [a-a], [b-b]; *al-'adad al-mufrad* tiga hingga sepuluh [a-b], [b-a]; *al-'adad al-murakkab* sebelas dan dua belas [aa-a], [bb-b]; *al-'adad al-murakkab* tiga belas hingga sembilan belas [ba-a], [ab-b]; *al-'adad al-'uqu:d* [=a], [=b]; *al-'adad al-ma'tu:f* dua puluh satu dan dua puluh dua [aa-a], [ba-a]; *al-'adad al-ma'tu:f* dua puluh tiga sehingga sembilan puluh sembilan [ba-a], [aa-b] dan *al-'adad* seratus serta gandaannya [=a] atau [=b]. Seterusnya didatangkan contoh-contoh yang sesuai dengan tahap pelajar.

5.4.3 Menggunakan Bahan Rangsangan Yang Mudah Yang Dikuasai Oleh Kebanyakan Pelajar

Penggunaan bahan atau contoh yang mudah juga akan membantu meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar. Guru-guru mendedahkan terlebih dahulu, bahan-bahan rangsangan sedia ada yang dikuasai oleh kebanyakan pelajar sehingga mereka hadam dan faham serta

mempunyai maklumat sedia ada berkenaan dengan tajuk. Kemudian barulah diterapkan dengan bahan pengajaran yang sepatutnya mereka kuasai.

Sebagai contoh, dalam pengajaran tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d*, bahan yang paling hampir dengan pelajar ialah lafaz niat sembahyang yang mana keseluruhan pelajar telah hafal dan faham maksudnya. Guru-guru pengajar BA seharusnya mengambil kesempatan ini dengan mendedahkan kepada pelajar dengan maklumat berkaitan sehingga pelajar faham dengan konsep perubahan dan fungsi nahan yang berkaitan, terutamanya apabila menyampaikan tajuk berkaitan dengan *al-'adad al-mufrad*.

Jadual 5.2 di bawah ini menyatakan lafaz niat solat yang boleh diterapkan dalam pengajaran *al-'adad al-mufrad* satu dan dua dan *al-'adad al-mufrad* tiga hingga sepuluh.

JADUAL 5.2 Lafaz Niat Sembahyang Untuk Terapan Al-'Adad Wa Al-Ma'du:d

Lafaz Niat Solat BM	Lafaz Niat Solat BA
Aku sembahyang sunat Witir satu rakaat kerana Allah Ta'a:la	أَصَلَّى سُنَّةَ الْوِثْرِ رَكْعَةً لِلَّهِ تَعَالَى
Aku sembahyang fardu Subuh dua rakaat kerana Allah Ta'a:la	أَصَلَّى فَرِضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءَ اللَّهِ تَعَالَى
Aku sembahyang fardu Maghrib tiga rakaat kerana Allah Ta'a:la	أَصَلَّى فَرِضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكْعَاتٍ أَدَاءَ اللَّهِ تَعَالَى
Aku sembahyang fardu 'Isya: ' empat rakaat kerana Allah Ta'a:la	أَصَلَّى فَرِضَ الْعِشَاءَ أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ أَدَاءَ اللَّهِ تَعَالَى

5.4.4 Pembahagian Tajuk Dalam Bahagian Al-‘Adad Al-Murakkab Dan Al-‘Adad Al-Ma‘tu:f Disusun Semula Dengan Membezakan Antara تِسْعَة – ثَلَاثَة اثَّنَانِ – وَاحِدٌ Dan

Dalam kebanyakan buku-buku Nahu Arab, pembahagian *al-‘adad* dikategorikan kepada empat bahagian iaitu *al-‘adad al-mufrad*, *al-‘adad al-murakkab*, *al-‘adad al-ma‘tu:f* dan *al-‘adad al-‘uqu:d*. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mencadangkan agar pembahagian *al-‘adad al-ma‘tu:f* dan *al-‘adad al-murakkab* dipecahkan kepada tiga bahagian setiap satu, terutamanya ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Hal ini demikian kerana, berdasarkan pengalaman menyampaikan tajuk ini, pelajar-pelajar didapati keliru dengan adanya perbezaan-perbezaan fungsi *i‘ra:b* yang terjadi dalam kedua-dua kategori *al-‘adad* ini apabila digabungkan sekaligus. Kekeliruan inilah yang menyebabkan pelajar kerap melakukan kesilapan.

Hal ini demikian kerana, *al-‘adad* dalam kategori ini yang di awalnya lafaz **وَاحِدٌ** atau **إِحْدَى** sentiasa bersamaan dengan *al-ma‘du:d* daripada aspek maskulin dan feminin. Sedangkan baki *al-‘adad al-ma‘tu:f* yang lain tidak terikat dengan peraturan ini.

Bagi *al-‘adad al-ma‘tu:f* yang diawalnya lafaz **اثَّنَانِ** atau **اثَّنَتَانِ** pula, yang merupakan *mulhaq* kepada kata nama pendua (*al-muthanna:*), binaan katanya sentiasa berubah mengikut kedudukan di dalam ayat. Ketika nominatif, lafaz **اثَّنَانِ** dan **اثَّنَتَانِ** digunakan. Manakala dalam keadaan genitif dan akusatif, lafaz **اثَّنَيْنِ** dan **اثَّنَتَيْنِ** digunakan. Ini kerana lafaz-lafaz yang *mulhaq* kepada *al-muthanna:*, akan nominatif dengan alif dan akusatif serta genitif dengan ya:’ sepertimana yang telah dijelaskan dalam bab-bab yang terdahulu. Sementara *al-‘adad al-ma‘tu:f* yang lain, selain daripada yang bermula dengan **وَاحِدٌ** dan

اشَّانِ, *al-‘adad* dan *al-ma‘du:d*nya saling bercanggahan daripada aspek maskulin dan feminin.

Oleh hal yang demikian, adalah wajar difikirkan, supaya diasingkan di antara *al-‘adad-al-‘adad* dalam bahagian ini agar pelajar tidak terkeliru dengan perbezaan peraturan yang wujud dalam bahagian ini.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan pemilihan sampel kajian yang terhad dalam kalangan pelajar-pelajar di dua buah sekolah aliran agama di daerah Kuala Kangsar sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini terhad kepada kawasan di daerah Kuala Kangsar sahaja. Oleh kerana kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia, maka dicadangkan kajian lanjutan dijalankan supaya tahap penguasaan pelajar berkaitan tajuk *al-‘adad wa al-ma‘du:d* secara khusus dan tajuk-tajuk pengajian Nahu secara umum dapat ditingkatkan.

Sampel kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar yang sedang belajar di sekolah menengah aliran agama. Oleh yang demikian, dicadangkan dalam penyelidikan akan datang, diluaskan lagi skop kajian dengan melibatkan sampel yang lebih besar merangkumi pelajar-pelajar yang menuntut di SMKA dan juga pelajar-pelajar KAA. Dengan cara ini, gambaran yang lebih menyeluruh tentang penguasaan *al-‘adad wa al-ma‘du:d* dapat diperolehi dengan lebih jelas dan tepat serta generalisasi dapat dilakukan.

Kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan dengan melakukan pendekatan soal selidik. Data-data yang dikumpulkan pula dianalisis berdasarkan kepada pendekatan kuantitatif. Kajian lanjutan dengan menggunakan kaedah yang lain pula adalah dicadangkan untuk mendapat gambaran yang lebih menyeluruh tentang tahap penguasaan Ilmu Nahu dalam kalangan pelajar-pelajar BA di Malaysia.

5.6 Penutup

Ilmu Nahu merupakan salah satu ilmu penting yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar yang berkecimpung dalam pembelajaran BA. Ini kerana matlamat akhir pembelajaran BA, bukan semata-mata untuk memahami pertuturan, menghasilkan pertuturan, berkebolehan membaca atau dapat menulis dalam BA, akan tetapi yang lebih tinggi ialah ingin menguasai dan mendalami ilmu agama. Ianya sejajar dengan perkembangan Ilmu Nahu sendiri yang bertujuan untuk memahami nas-nas agama dan menguasainya dengan baik. Dengan pemahaman yang baik ini, akan menghasilkan pengetahuan agama yang tepat dan jelas sepertimana yang dikehendaki syariat. Pemahaman dan penguasaan Ilmu Nahu dengan baik juga membantu setiap muslim untuk membaca baris-baris ayat al-Qur'an yang mulia dengan tepat.

Justeru itu, pelajar-pelajar yang berminat untuk berkecimpung dalam bidang pembelajaran ini perlu dipupuk dan disemai minat mereka agar terus bertambah subur dan berkobar-kobar dalam menghayati setiap baris kaedah dan peraturan berkaitan dengan ilmu ini. Minat itu perlu disemai dan semangat itu perlu dibaja supaya kekal mekar sehingga ke

penghujungnya, bukannya layu di persimpangan gara-gara kesulitan dan bebanan yang tidak dilunakkan dengan kaedah dan cara penyampaian yang kecindan dan menyeronokkan.

Oleh kerana pelajar pada hari ini, dibebankan dengan kurikulum yang meluas dan menyeluruh merangkumi semua mata pelajaran, berbentuk keagamaan, akademik dan juga kemahiran, maka kaedah penyampaian yang berkesan dan sesuai dengan kehendak semasa perlu diterapkan dalam pengajaran guru. Pengajar yang mampu mengikat fokus pelajarnya dengan cara penyampaian yang berkesan akan memenangi hati pelajar dan begitulah sebaliknya. Institusi minat pelajar akan sentiasa menaik dan menurun terhadap sesuatu mata pelajaran bergantung kepada kaedah dan cara penyampaian, bukannya di mana mereka menimba ilmu pengetahuan.

Oleh kerana *al-'adad wa al-ma'du:d* merupakan salah satu tajuk yang agak sukar dikuasai oleh kebanyakan pelajar BA, disebabkan oleh banyak faktor seperti yang dapat diperhatikan melalui dapatan kajian, maka pendekatan-pendekatan tertentu perlu dilakukan oleh para guru yang mengajar BA. Perubahan peraturan yang berlaku secara menyeluruh berdasarkan kepada kelompok jenis-jenis *al-'adad*, memungkinkan para guru mempraktiskan penggunaan kaedah tertentu untuk tujuan memudahkan ingatan dan mendapatkan kembali maklumat berkaitan apabila diperlukan.

Pendekatan-pendekatan yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mudah-mudahan akan membantu meningkatkan mutu pengajaran dan menjadikan pengajaran itu suatu seni yang menyeronokkan dan pembelajaran itu suatu rutin yang mengembirakan. Gabungan antara seni dan rutin ini, akan membawa kefahaman dan penguasaan yang baik. Penguasaan yang baik pula akan menjadikan pengajaran dan

pembelajaran berkesan dan mencapai objektif yang digariskan atau matlamat yang tersemat dalam kalbu. *Wa Alla:h al-A‘lam.*